



HARI PUSHKIN DI UNIVERSITI MALAYA


OLEH VICTOR POGADAEV

Pada 4 Jun 2015, mahasiswa yang mengambil subjek Budaya dan Seni Rusia Universiti Malaya (UM) telah mengadakan sambutan hari kelahiran Penyair Agung Rusia, Aleksander Pushkin (1799-1837) yang ke-216.

Sempena sambutan ini, turut diadakan pertandingan mendeklamasi karya Pushkin, persembahan lakonan kehidupan penyair Rusia tersebut dan tayangan dokumentari "Jalan Kreatif A.S. Pushkin". Selain itu, turut diadakan pameran fotografi dan karya Pushkin dalam bahasa Melayu di UM.

Pada sambutan perayaan Hari Pushkin, seramai 43 orang mahasiswa yang belajar bahasa Rusia menyertai sayembara, karaoke lagu puisi Pushkin, yang diadakan di Pusat Sains dan Budaya Rusia di Kuala Lumpur. Tiga orang mahasiswi UM, Shobariah Abdul Rahman, Ain Zuhaili Mat Nuar, dan Nurul Aisyah Mohamad Basher, mendeklamasikan sajak Pushkin bertajuk "Gunung-ganang di Gruzia Diselubungi Kegelapan" pada pembukaan majlis, dideklamasikan dalam tiga bahasa, Rusia, Melayu dan Inggeris.

Penyair Pushkin menyumbangkan pengaruh yang besar kepada Sasterawan Negara (SN) Allahyarham Usman Awang (1929-2001). SN Usman menggelar Pushkin sebagai "bintang yang paling cemerlang dalam kumpulan penyair dunia". Beliau pernah melawat Moscow pada tahun 1972 dan amat memberikan perhatian terhadap karya Pushkin. Antara lain, beliau menulis tentang Pushkin, seperti yang berikut:



Pagi ini di pekarangan Pushkin serombongan anak sekolah comel berdedai didandani kabus mengucapkan bait-bait puji-pujanya pabila mereka menghilang, tampaklah Sebusut bunga di kaki Pushkinnya. (kemudian kutahu suatu tradisi sebelum ujian puisi, mereka datang tugu puji-pujanya memohon restu kasihnya).

Hal ini sememangnya senada dengan keyakinan Pushkin sendiri bahawa suatu masa, orang ramai akan melestarikan puisinya. Di sisi lapik tugu peringatan di Moscow, terukir petikan daripada puisinya yang bertajuk "Monumen":

Lama aku akan disanjung oleh orang ramai kerana aku membangkitkan rasa baik hati melalui puisiku, menjunjung kebebasan pada zamanku yang zalim sambil menyeru agar orang yang rebah diampuni juga.

Education - IPTA / IPTS

178 : 46-47